

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 AUGUST 2016

Najib mahu serah parti kuat kepada pengganti

BH - 21/8/2016

➔ Kepemimpinan baharu mesti lebih hebat jamin kemakmuran negara, bela nasib rakyat



Parti akan kuat jika ahli bersikap setia dan tidak menyerang parti walaupun berbeza pendapat dengan kepemimpinan semasa parti”

Najib Razak,
Perdana Menteri

**Oleh Anwar Hussin,
Nor Fazlina Abdu Rahim
dan Siti Rohana Idris**
bhnews@bh.com.my

► Kota Bharu

Datuk Seri Najib Razak berkata beliau mahu menyerahkan parti yang kuat kepada penggantinya supaya UMNO dapat terus membela nasib rakyat.

Perdana Menteri berkata, beliau juga mahu penggantinya nanti membawa negara ini ke satu tahap yang lebih hebat daripadanya bagi menjamin ke-

makmuran negara berterusan.

“Perjuangan kita melewati pemimpin, apabila bersara nanti saya nak serah kerajaan dan parti (yang kuat). Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi) pernah berpesan ketika saya mengambil alih jawatan Perdana Menteri, “saya mahu kamu memerintah negara ini ke satu tahap yang tinggi dan saya akan berbangga jika kamu berjaya.”

Tak ganggu pengganti

“Parti akan kuat jika ahli bersikap setia dan tidak menyerang parti walaupun berbeza pendapat dengan kepemimpinan semasa parti. Apabila saya bersara, tidak akan mengganggu pengganti, jauh sekali nak tubuh parti baharu.

“Dalam Islam menganjurkan syura, kalau membuat keputusan tepat dapat dua pahala. Maknanya kita perlu duduk berbincang dan bukannya serang pemimpin. Itu cara Islam, saya tak kata semua yang saya buat itu betul dan tak ada kelemahan tapi perlu guna cara beradab mengikut perlembagaan parti dan prinsip Islam,” katanya dalam ucapan ketika menghadiri Program Bersama Rakyat dan merasmikan Me-

syariat UMNO Bahagian Tumpat di sini, semalam.

Lulus peruntukan RM4.5 juta

Pada majlis sama, Najib yang juga Presiden UMNO turut meluluskan peruntukan RM4.5 juta bagi menyiapkan masjid yang sedang dibina di Kampung Kubang Batang, Tumpat.

Najib juga menyentuh mengenai Tun Dr Mahathir Mohamad yang diserang secara peribadi oleh musuh politiknya ketika menjadi Perdana Menteri dengan tujuan mahu melemahkan UMNO.

“Saya melihat semula ucapan di laman sosial seperti Mohamad Sabu yang menggelar Dr Mahathir sebagai ketua perompak dan ada yang memanggilnya Mahafiraun. Ini kerana orang (musuh) hendak jatuhkan dia tapi kita (pemimpin UMNO) mempertahankan,” katanya.

Najib turut melawat bekas Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Hussein Ahmad, 82, kira-kira 30 minit di kediamannya di Lemal, di sini.

Hussein ketika ditemui mahu pemimpin UMNO termasuk yang mahu menubuhkan parti baharu supaya kembali kepada UMNO.